



BAHAGIAN PINJAMAN PERUMAHAN (BPP)
PERBENDAHARAAN MALAYSIA
NO 9, KOMPLEKS KEMENTERIAN KEWANGAN
PERSIARAN PERDANA, PERSINT 2
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62592 PUTRAJAYA



Perlindungan Keilatan Kekal Dan Menyeluruh Bagi Pinjaman Perumahan Yang Diluluskan Sebelum 1 Ogos 1995

Insurans Gadaijanji (MRTA) bagi pinjaman perumahan yang diluluskan sebelum 1 Ogos 1995 tidak meliputi perlindungan keilatan kekal dan menyeluruh (*Total Permanent Disability*). Sekiranya peminjam mengalami keilatan kekal dan menyeluruh, syarikat insurans tidak akan membayar sebarang pampasan. Syarikat insurans hanya akan membayar pampasan atas kes kematian sahaja untuk tujuan penyelesaian baki hutang.

Walaupun bagaimanapun, peminjam boleh memohon mendapatkan perlindungan tambahan ini dan berurusan terus dengan Syarikat Etiqa Insurans Berhad (dahulu dikenali sebagai MNI). Peminjam perlu membayar sendiri premium insurans tambahan dan memenuhi syarat yang ditetapkan oleh syarikat tersebut.

Peminjam yang telah mengambil Takaful Gadaijanji (Insurans secara Islam) telahpun sedia dilindungi untuk keilatan kekal dan menyeluruh.

Etiqa Insurans Berhad boleh dihubungi melalui info@etiqa.com.my atau di talian 03- 2297 1888.

Sekian, dimaklumkan.

Setiausaha,
Bahagian Pinjaman Perumahan
Perbendaharaan Malaysia
19 Januari 2010

